

# Tidak sesuai berniaga tepi jalan

Peniaga perlu cari pendekatan baharu, henti jadikan tempat awam lokasi perniagaan

Oleh **NORAFIZA JAAFAR**  
**KUALA LUMPUR**

**P**eniaga di ibu kota dinasihatkan mencari pendekatan baharu dan keluar dari zon selesa berbanding menjadikan tempat awam terutamanya tepi jalan dan siar kaki sebagai lokasi perniagaan.

Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur, Lai Chen Heng berkata, kepesatan pembangunan Kuala Lumpur yang dihuni lebih lapan juta penduduk tidak lagi membenarkan

perniagaan cara lama dijalankan kerana menyebabkan kacau ganggu selain mencacatkan pemandangan.

Oleh yang demikian, beliau menyokong tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjalankan penguatkuasaan terhadap penjaja yang gagal mematuhi peraturan permit niaga mahupun melanggar Akta Kerajaan Tempatan serta Akta Jalan, Parit dan Bangunan.

"Saya mengikut perkembangan tindakan Jabatan Penguatkuasa yang kebanyakannya fokus terhadap struktur haram dan peniaga tanpa lesen seperti di Masjid India dan Jalan Sultan.

"Saya pernah melihat peniaga memacak struktur di hadapan kedai orang tanpa segan silu. Ada juga yang memonopoli lorong belakang jalan untuk dijadikan gerai serta berniaga di bahu jalan dan padang rekreasi demi mengaut ke-



**Chen Heng (kanan) ketika menyertai operasi penguatkuasaan dilakukan oleh DBKL di sekitar ibu kota, baru-baru ini.**

untungan peribadi tanpa mengira faktor persekitaran," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, peniaga bermasalah ini kebanyakan mempunyai lesen tetapi tiada kelulusan tapak premis dan mereka memilih lokasi tapak niaga tidak sesuai sehingga mengganggu rumah kedai atau laluan lorong.

Selain itu katanya, ada juga

dalam kalangan peniaga berkenaan tidak mematuhi piawaian kebersihan apabila mendirikan struktur di tepi jalan yang mana sisa jualan dibuang terus ke dalam longkang.

"Saya pernah masuk ke dalam dapur satu warung yang mengambil lorong belakang jalan di Jalan Sultan. Amat jijik kerana mereka turut tempatkan sekali

pekerja warga asing tinggal dalam struktur bersaiz kandang.

"Ada juga antara mereka yang menggunakan nama orang atasan atau menteri tertentu sebagai surat sokongan untuk menjalankan perniagaan secara tidak sah," dakwanya.

Ujarnya, ramai beranggapan tindakan penguatkuasaan DBKL itu hanya menyasarkan peniaga tertentu sebaliknya ia dilakukan mengikut bidang kuasa yang diperuntukkan berdasarkan prosedur ditetapkan.

Ujarnya, kerajaan kini telah melakukan banyak pembaharuan bagi membantu peniaga berniaga dengan selesa di lokasi bersesuaian.

"Salah satunya adalah program Lestari Niaga di peringkat DBKL selain pusat penjaja secara berperingkat dinaik taraf untuk memberi satu persekitaran perniagaan yang selesa.

"Begitu juga banyak program pemindahan dan pemutihan penjaja agar kelihatan lebih teratur," katanya.

